

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [KAMPAR]

TARIKH : 15 OKTOBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 12

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah atau kaedah-kaedah untuk menilai prestasi perkhidmatan talian Internet ke sekolah-sekolah seluruh negara yang dibekalkan oleh tiga (3) syarikat penyedia perkhidmatan Internet (ISP) iaitu Telekom Malaysia Berhad, Celcom Axiata Berhad dan Maxis Broadband Sdn. Bhd. mulai 1 Julai 2019. Nyatakan status dan statistik tawaran menyediakan perkhidmatan Internet sementara ke sekolah mengikut setiap satu ISP tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memutuskan satu kebijaksanaan baharu dalam pembekalan perkhidmatan talian internet ke sekolah di seluruh negara iaitu, dengan memberi kontrak kepada tiga (3) syarikat penyedia perkhidmatan internet (ISP) terkemuka negara yang terdiri daripada Telekom Malaysia Berhad, Celcom Axiata Berhad dan Maxis Broadband Sdn. Bhd.

Perkhidmatan ini adalah bagi tempoh interim enam (6) bulan iaitu bermula 31 Julai 2019 hingga 31 Disember 2019. Selepas melakukan penilaian dan penambahbaikan yang diperlukan, KPM akan memilih penyedia perkhidmatan internet yang baharu bagi tempoh mulai 1 Januari 2020.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tujuan penilaian prestasi perkhidmatan talian internet ke sekolah-sekolah oleh ketiga-tiga ISP tersebut, KPM menggunakan pengujian *speedtest* sebagai kaedah untuk menilai dan mendapatkan prestasi kelajuan talian internet yang dibekalkan.

Berdasarkan rekod KPM, statistik pemasangan talian internet ke sekolah oleh Telekom Malaysia Berhad adalah sebanyak 2,320 buah sekolah. Celcom Axiata Berhad sebanyak 5,245 dan Maxis Broadband Sdn. Bhd. sebanyak 2,366 buah sekolah.

Manakala, sebanyak 274 buah sekolah telah dikategorikan sebagai *unserved* oleh ketiga-tiga ISP. Perkara ini telah diangkat kepada Kementerian Kewangan untuk membenarkan sekolah-sekolah *unserved* tersebut membuat langganan terus kepada ISP yang mempunyai liputan terbaik di lokasi berkaitan.

Sekian, terima kasih.